

Publication	utusan.com.my	Section /Page No.	Online
Date	Thu, 19 th May 2016	Lead Article	-
Headline	Teraju Galak Bina Projek Di Tanah Rizab Melayu		



Teraju Galak Bina Projek Di Tanah Rizab Melayu



Halimi Abd. Manaf (dua dari kiri) mendengar penerangan daripada Pengarah Kanan (Keusahawanan dan Pembangunan Perniagaan) TERAJU, Megat Mohd. Yatim Megat Hamid (kiri sekali) semasa melihat pameranTERAJU di Rasah, Negeri Sembilan, semalam.

RASAH 19 Mei – Sebanyak RM97.67 juta telah diluluskan **oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju)** melalui Dana Mudahcara bagi pembinaan 50 projek hartanah di atas tanah rizab Melayu dan tanah adat di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, Datuk Husni Salleh berkata, ke-semua projek berkenaan mempunyai nilai pembangunan kasar (GDV) kira-kira RM1.54 bilion.

Beliau berkata, dana tersebut ditawarkan bertujuan menggalakkan pembangunan di tanah rizab Me-layu dan tanah adat yang se-ring berhadapan dengan kesukaran mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan.

“Insentif yang diterima daripada Dana Mudahcara ini akan membolehkan projek lebih berdaya maju untuk dilaksanakan sehingga siap yang mana ia diterjemahkan kepada pengurangan kos dalam pembinaan.

“Ini akan memanfaatkan pembeli yang menikmati harga lebih rendah atau menikmati faedah tidak langsung seperti pemberian insentif tunai.

“Teraju berharap untuk melihat lebih banyak syarikat bumiputera memanfaatkan dana ini dengan mengambil bahagian secara aktif dalam pembinaan rumah mampu milik,” katanya dalam sidang akhbar selepas majlis pelancaran projek perumahan Taman Puncak Rasah dekat sini hari ini.

Pelancaran itu telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimi Abd. Manaf yang mewakili Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan.

Yang turut hadir Yang Dipertua Majlis Perbandaran Nilai, Datuk Abd. Halim Abd. Latif dan Pengarah Urusan Citra Upaya Sdn. Bhd., Datuk Rahman Harun.

Taman perumahan itu dibangunkan oleh syarikat bumiputera, Citra Upaya di kawasan tanah rizab Melayu seluas 1.9 hektar yang me-rangkumi 194 unit rumah apartmen lima tingkat.

Semua unit rumah berkenaan yang ditawarkan pada harga antara RM186,800 sebuah hingga RM199,800 sebuah telah habis dijual kepada pembeli bumiputera.